

AMANAH SAHAM	HARGA/NAB
AS1M	1.0000
ASN	0.7485
ASN2	0.6267
ASN3	1.0827

ASB	1.0000	ASG	
ASW 2020	1.0000	PENDIDIKAN	0.9959
ASM	1.0000	KESIHATAN	1.0398
ASD	1.0000	PERSARAAN	1.1640

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ekonomi@kosmo.com.my Faks: 03-9221 8590

Masih banyak lot komersial yang telah siap belum terjual

## Hadapi masalah lebihan bekalan

Oleh NOR SYARIZA MUHD. TAHIR

**KUALA LUMPUR** – Pasaran hartanah Malaysia kini mengalami lebihan bekalan berbanding permintaan, terutamanya bagi segmen komersial.

Pengarah Eksekutif Jones Lang Wootton, Prem Kumar berkata, lebihan bekalan itu dilihat terus meningkat dengan banyak terutamanya lot komersial yang telah siap tetapi masih belum terjual.

“Kita dapat melihat di kawasan Lembah Klang yang mana banyak pusat beli belah dibina tanpa mengambil kira mengenai jumlah populasi sekitar yang boleh menyokong pembangunan tersebut.

“Selain itu, kadar kekosongan bagi lot-lot pejabat juga mening-

kat, meskipun tidak pada kadar signifikan namun, masih melebihi bekalan.

“Justeru itu, kami berpendapat kerajaan perlu memainkan peranan penting bagi mengawal keadaan ini dalam memastikan kestabilan pasaran hartanah di Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi Forum Prospek Hartanah 2018 anjuran portal hartanah terkemuka, *PropertyGuru* di sini semalam.

Selain itu, Prem turut mengulas mengenai pengumuman kerajaan beberapa hari lepas berhubung cadangan untuk membekukan pembangunan projek-projek hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas.

Perkara itu diputuskan Kabinet berkuat kuasa 1 November lalu susulan laporan Bank Ne-



FERNANDEZ (tengah) bersama Prem Kumar (kanan) dan ahli panel lain pada Forum Prospek Hartanah 2018 di Kuala Lumpur semalam.

gara Malaysia mengenai peningkatan hartanah kediaman tidak terjual sebelum ini yang turut membabitkan kondominium

mewah, pejabat komersial dan pusat beli belah.

Menurut Prem, semua pihak perlu mendapatkan perincian

lanjut berhubung langkah pelaksanaan tersebut sebelum mula menilai impak kepada pasaran pada masa akan datang.

“Setiap pihak berkepentingan melihat pengumuman ini dalam perspektif yang berbeza mengikut bidang masing-masing,” ujarnya.

Dalam pada itu, Pengurus Negara PropertyGuru Malaysia, Sheldon Fernandez berkata, tahun 2018 bakal membawa cabaran kepada sektor hartanah tempatan walaupun asas ekonomi negara kian kukuh.

“Isu termasuk ketidakmampuan, limpahan bekalan hartanah kediaman bertingkat, kenaikan kos sara hidup dan pembiayaan kewangan yang ketat bakal memberi impak kepada momentum pasaran pada tahun depan,” jelasnya.

## Pelancong Malaysia pasaran penting bagi Jeju Shinhwa World

**KUALA LUMPUR** – Landing Jeju Development Co. Ltd., pemaju dan pengendali resort pelancongan dan hiburan premium bersepadu di Jeju, Korea Selatan, Jeju Shinhwa World, melihat Malaysia berpotensi untuk terus menjadi satu daripada pasaran terpentingnya pada masa akan datang.

Pengarah Pemasaran, Rhee Tae Rim (**gambar**) berkata, dengan memanfaatkan jumlah pelancong ke Jeju iaitu sebanyak 16 juta orang pada tahun lepas, pihaknya yakin dapat membawa masuk lebih ramai pelancong khu-

susnya dari negara-negara ASEAN.

“Negara ASEAN terus menjadi pasaran penting bagi kami dengan pertumbuhan kukuh bagi kemasukan pelancong ke Jeju yang direkodkan saban tahun, dengan Malaysia sebagai antara tiga penyumbang utama.

“Justeru itu, dengan pembukaan resort premium bersepadu pertama di Jeju ini, kami yakin dapat membantu meningkatkan pertumbu-

han pelancong ke pulau ini pada kadar dua digit pada tahun depan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis pembentangan bagi pembangunan Jeju Shinhwa World di sini semalam.

Sementara itu, Tae Rim berkata, projek yang mula dibangunkan pada Februari

2015 itu akan mula beroperasi secara berperingkat dari tahun ini hingga 2020.

“Jeju Shinhwa World mempunyai pelbagai kom-

ponen termasuklah hotel mewah, pangsapuri resort, taman tema, pusat hiburan K-Pop, taman tema air, Lionsgate Movie World dan kawasan beli belah.

“Kesemua komponen ini telah dan akan dibuka kepada pengunjung secara berperingkat seperti pangsapuri resort Somerset yang telah dibuka pada April 2017 dan Taman Tema Shinhwa pada September lepas,” ujarnya.

Dibangunkan dalam kawasan seluas kira-kira 2.5 juta meter persegi, Jeju Shinhwa World menelan kos pembangunan bernilai AS\$2.5 juta (RM10.3 juta).



### RINGKAS

#### Ringgit naik ke paras tertinggi

**KUALA LUMPUR** – Ringgit naik ke paras tertinggi dalam 14 bulan berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) semalam dengan sokongan berterusan daripada sentimen tempatan yang positif, kata para peniaga.

Pada pukul 6 petang, mata wang tempatan ditutup pada 4.1100/1130 berbanding dolar daripada 4.1380/1420 yang dicatatkan hari Selasa.

Seorang peniaga berkata, ringgit disokong oleh unjuran Bank Negara Malaysia akan menaikkan kadar dasar semalaman setelah pertumbuhan kukuh ekonomi negara pada 6.2 peratus yang dicatatkan pada suku ketiga tahun ini.

Ringgit juga antara mata wang yang mendahului bagi mata wang pasaran pesat membangun setelah mata wang Asia terus mengukuh disokong oleh kelemahan dolar AS dan ucapan Pengerusi Rizab Persekutuan AS, Janet Yellen yang memihak kepada kadar faedah rendah. –Bernama

#### Untung MSM susut kepada RM25.31 juta

**KUALA LUMPUR** – Keuntungan sebelum cukai MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) merosot kepada RM25.31 juta pada suku ketiga berakhir 30 September 2017 berbanding RM32.75 juta bagi suku yang sama sebelumnya.

Hasil meningkat kepada RM668.51 juta berbanding RM633.12 sebelumnya.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, hasil kumpulan itu bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2017 adalah sebanyak RM2 billion berbanding RM1.82 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas susulan harga jualan yang lebih baik.

Mengenai prospek masa depan, kumpulan itu berkata, keputusan dijangkakan meningkat dalam tempoh terdekat dan sederhana hasil daripada sumbangan positif daripada harga gula mentah dan kos operasi yang meningkat.

## 10 peserta VEST teroka bidang francais

**KUALA LUMPUR** – Perbadanan Nasional Bhd. (PNS) membuka peluang kepada 10 peserta peringkat akhir Program Kemahiran dan Bakat Keusahawanan Varsiti (VEST) meneroka bidang francais dengan membawa mereka ke Program Hala Tuju Vest 2017.

Pengarah Urusan PNS, Datuk Syed Kamarulzaman Zainol Khodki Shahabudin berkata, walaupun program VEST telah bermula pada bulan Oktober lalu, namun peserta harus meneruskan usaha menuntun ilmu untuk terus maju dan bergerak seiring usahawan terkemuka yang ada.

“Setiap kumpulan berada di bawah

bimbingan seorang wakil pengurusan kanan PNS bagi memastikan hala tuju dapat dicapai dan seterusnya mengembangkan lagi pelan perniagaan secara lebih sistematik dan interaktif agar mereka mampu tampil ke pasaran.

“Barisan mentor ini akan memantau perkembangan finalis dan pemenang program ini serta memberikan bimbingan sewajarnya untuk menjadikan mereka usahawan yang berdaya maju dan mampu bersaing,” katanya menerusi satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Syed Kamarulzaman menjelaskan, pihaknya akan terus memacu pertumbuhan francais di Malaysia dengan

memastikan agar penghasilan jenama-jenama baharu yang berpotensi besar ini dapat membantu menyumbang kepada keberhasilan ekonomi negara.

Sehingga kini, jelas beliau, PNS telah mengeluarkan pembiayaan hampir RM420 juta kepada 2,026 syarikat francais tempatan dan sebanyak RM1.9 juta dibiayai bagi skim kendera saji yang diperkenalkan pada tahun ini.

Program VEST 2017 merupakan satu pertandingan keusahawanan yang melibatkan 1,000 mahasiswa dari 20 institusi pengajian tinggi di seluruh negara dengan 200 idea perniagaan telah dicadangkan.